

**PERSEKITARAN PRODUKSI (*PRODUCTION ENVIRONMENT*)
SISTEM MYINVOIS TELAH TERSEDIA UNTUK PENGELUARAN
E-INVOIS MENERUSI *APPLICATION PROGRAMMING INTERFACE* (API)
OLEH SYARIKAT RINTIS (*PILOT COMPANY*) E-INVOIS**

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) ingin memaklumkan bahawa persekitaran produksi (*production environment*) Sistem MyInvois menerusi *Application Programming Interface* (API) telah dibuka bagi membolehkan syarikat rintis (*pilot company*) e-Invois mengeluarkan e-Invois menggunakan data sebenar perniagaan mereka mulai 24 Mei 2024.

Pelancaran ini menunjukkan kemajuan terkini ke arah pelaksanaan mandatori e-Invois bermula pada 1 Ogos 2024. Oleh itu, syarikat rintis e-Invois boleh mula mengakses kepada persekitaran produksi API Sistem MyInvois setelah memohon *Client ID* dan *Client Secret* bagi persekitaran produksi daripada pihak HASiL menerusi e-mel sdkmyinvois@hasil.gov.my.

Akses kepada persekitaran produksi ini membolehkan syarikat rintis untuk:

- Mengurus dan mengeluarkan e-Invois secara terus kepada HASiL menggunakan data produksi (data sebenar perniagaan) untuk memastikan ketepatan maklumat yang dihantar kepada HASiL; dan

- API di persekitaran produksi menawarkan fungsi utama seperti log masuk, validasi, penghantaran dan pembatalan dokumen.

Bagi memastikan proses peralihan yang lancar ke atas penghantaran e-Invois menerusi persekitaran produksi API ini, proses pengesahan tandatangan digital (*digital signature*) tidak diaktifkan buat sementara waktu hingga dimaklumkan kelak.

Sebagai maklumat tambahan, HASiL telah menyediakan platform pautan e-Invois menerusi Portal Rasmi HASiL. Semua maklumat berkaitan e-Invois termasuk garis panduan umum, garis panduan spesifik serta soalan lazim boleh dimuat turun menerusi capaian pantas seperti berikut:

- Versi Bahasa Melayu:

<https://www.hasil.gov.my/media/m1in2trf/garis-panduan-e-invois-lhdnm-versi-23.pdf>

- Versi Bahasa Inggeris:

<https://www.hasil.gov.my/media/iaafn1o0/irbm-e-invoice-specific-guideline-version-21.pdf>

HASiL kekal komited memastikan kelancaran pelaksanaan e-Invois terutama dalam tempoh peralihan ini. HASiL amat menggalakkan syarikat rintis e-Invois untuk memanfaatkan sepenuhnya peluang ini dan mengakses persekitaran produksi dengan lebih awal.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut berhubung pelaksanaan e-Invois boleh disalurkan seperti berikut:

- Menerusi e-mel myinvois@hasil.gov.my atau;
- Pertanyaan berhubung *Sandbox Sistem MyInvois* dan *Software Development Kit* (SDK), pembayar cukai boleh menghubungi talian 03-8682 8000 atau e-mel sdkmyinvois@hasil.gov.my.

SEKIAN, TERIMA KASIH.

ESCALATE THE PASSION

Dikeluarkan oleh:

**Bahagian Perhubungan Awam dan Multimedia | Jabatan Khidmat Korporat
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 24 Mei 2024